MAHATHIR - KEWANGAN '''

(UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 6 OKT)

1983

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- PERDASNA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA, AGENSI-AGENSI PERNIAGAAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN YANG MASIH LAGI BERGANTUNG KEPADA BANTUAN KERAJAAN MENUKARKAN SIKAP SUPAYA LEBIH BERDIRIKARI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM ULANG TAHUN KE-10 KOMPLEK KEWANGAN MALAYSIA DI SINI MALAM INI BERKATA PADA UMUMNYA PRESTASI SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA, AGENSI-AGENSI PERNIAGAAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN ADALAH MENGGALAKKAN.

NAMUN DEMIKIAN MASIH TERDAPAT JUGA BEBERAPA GOLONGAN YANG TERLALU BOROS DAN TERLALU BERANI MENGADAKAN SESUATU PROJEK KERANA MEREKA MENGANGGAP KERAJAAN SEBAGAI PENJAMIN, TAMBAH BELIAU.

KATANYA, ''SIKAP INI HARUSLAH KITA TUKAR KEPADA SIKAP BERDIKARI KERANA INILAH YANG AKAN MENJADIKAN KITA SEBAGAI GOLONGAN YANG BERJAYA.''

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN SESUATU GOLONGAN ITU MERUPAKAN KEJAYAAN BERSAMA DARI SEGI PERJUANGAN UNTUK MENINGGIKAN LAGI PENCAPAIAN ORANG MELAYU DALAM BIDANG-BIDANG PERNIAGAAN DAN PELABURAN. -- LAGI 1845/II

ZCZC B620
MAHATHIR - KEWANGAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA DENGAN ADANYA BERBAGAI-BAGAI AGENSI PERNIAGAAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN SYARIKAT SWASTA MAKA TERDAPAT BANYAK PELUANG UNTUK BUMIPUTERA BERGIAT CERGAS.

'MALANGNYA TERDAPAT JUGA GOLONGAN-GOLONGAN YANG MENGALAHGUNAKAN PELUANG-PELUANG INI UNTUK KEPENTINGAN DIRI SEMATA-MATA,' TAMBAH BELIAU.

KATANYA, 'MEREKA INI ADALAH ORANG-ORANG YANG SENTIASA BERUSAHA TETAPI BUKANNYA BERUSAHA UNTUK MEMBUAT SUMBANGAN TERHADAP KEJAYAAN SYARIKAT, SEBALIKNYA BERUSAHA MENGEJAR KEPENTINGAN DIRI SENDIRI SEPERTI GAJI YANG LEBIH BESAR DAN JAWATAN YANG LEBIH TINGGI.'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ORANG-ORANG SEPERTI INI BUKAN SAHAJA MERUGIKAN SESUATU SYARIKAT, TETAPI MENJATUHKAN MARUAH BUMI-PUTERA KERANA TERDAPAT DI KALANGAN MEREKA INI ORANG YANG TIDAK

KATA BELIAU TERDAPAT JUGA SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA YANG MENGGUNAKAN KESEMPATAN INI UNTUK MENDAPATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA SEMATA-MATA UNTUK MUSLIHAT MENUNJUKKAN MINAT MEREKA UNTUK MENYOKONG DASAR KERAJAAN TETAPI SEBENARNYA TIDAK BERUSAHA MENINGKATKAN KEMAMPUAN BUMIPUTERA YANG BERKERJA DENGAN MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP SEPERTI INI HANYA AKAN MELAMBATKAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU YANG BERTUJUAN UNTUK MEMPERSEIMBANGKAN KEDUDUKAN EKONOMI MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI NEGARA KITA.

BELIAU JUGA BERASA BANGGA DENGAN KEJAYAAN KOMPLEK KEWANGAN DALAM TEMPOH 10 TAHUN IA DITUBUHKAN. DENGAN MODAL PERMULAAN SEBANYAK $30 JUTA KOMPLEK KEWANGAN TELAH MENCACATKAN HARGA TERKUMPULNYA SEBANYAK $1,300 JUTA DENGAN KEUNTUNGAN SEBANYAK $56.4 JUTA BAGI TAHUN LEPAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA MELALUI INSTITUSI-INSTITUSI YANG DIWUJUDKAN OLEH KERAJAAN PENYERTAAN DAN KEPAKARAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG KEWANGAN DAN SEKURITI TELAH MENINGKAT. -- LAGI 1905/II

'KEADAAN INI SEHARUSLAH MEMBAWA KEINSAFAN KEPADA KITA BAHAWA TIDAK ADA SUATU BIDANG PUN YANG TIDAK MUNGKIN DIKUASAI OLEH BUMIPUTERA JIKA TERDAPAT GALAKAN DAN JIKA PADA PIHAK KAUM BUMIPUTERA PULA TERDAPAT KEINGINAN DAN KESANGGUPAN UNTUK BERJAYA,' MENAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN SEKARANG HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI KEJAYAAN PERMULAAN YANG SEMESTINYA MENJADI ASAS KEPADA KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR DI MANA KITA DAPAT BERSAING DENGAN KUMPULAN-KUMPULAN LAIN PADA TAHAP YANG SAMA DAN DENGAN KEMAMPUAN YANG SAMA SETIDAK-TIDAKNYA.

BELIAU JUGA MENYERU KAKITANGAN KOMPLEK KEWANGAN MENUNJUKKAN SIKAP YANG BAIK YANG BOLEH DITELADANI OLEH BUMIPUTERA YANG INGIN MENCEBURI DIRI DALAM BIDANG KEWANGAN DAN SEKURITI.

BERKENAAN DENGAN KEMPEN KEBERSIHAN BAGI SELURUH NEGARA YANG DILANCARKAN BEBERAPA HARI YANG LEPAS, DATUK SERI DR MAHATHIR HARAP BAHAWA BENUA LAPISAN SEKTOR SWASTA AKAN MENJADIKAN KEBERSIHAN SEBAGAI SALAH SATU CIRI KEJAYAAN MEREKA. BERNAMA 1910/II